

BN kongsi kemakmuran rakyat

Utusan Online

09 April, 2013

Oleh ZABRY MOHAMAD

PULAU PINANG 8 April - Dakwaan pembangkang kononnya Barisan Nasional (BN) menawarkan ganjaran wang dalam manifestonya untuk meraih undi rakyat, dilihat sebagai tindakan oleh mereka yang 'cetek ilmu'.

Pengarah Pilihan Raya BN negeri, Datuk Omar Fauzar berkata, sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan bantuan kepada golongan memerlukan.

Menurutnya, nilai insentif yang dinyatakan dalam manifesto itu juga tidak tetap sebaliknya berdasarkan kemampuan kerajaan pada masa akan datang.

"Jika Najib tidak menyediakan kemudahan dan insentif menarik sedemikian, bermakna beliau bukan seorang pemimpin yang bertanggungjawab.

"Sebagai Perdana Menteri, beliau sebenarnya memulangkan semula hasil kejayaan dan kemakmuran negara kepada rakyat," katanya ketika ditemui dalam program Jelajah Sayang anjuran UMNO Bahagian Bukit Gelugor di sini semalam.

Beliau diminta mengulas manifesto BN sempena Pilihan Raya Umum Ke-13 yang dibentangkan Najib selaku pengerusinya di ibu negara Sabtu lalu.

Bertajuk 'Menepati Janji Membawa Harapan', manifesto itu mencakupi seluruh elemen yang diperlukan ke arah memacu Malaysia sebagai sebuah negara sejahtera dan berpendapatan tinggi.

Omar yang juga Ketua UMNO Bahagian Bukit Gelugor menambah, tidak seperti pembangkang, mereka sekadar melancarkan manifesto tanpa melihat kemampuan diri sendiri.

Sementara itu dalam program berkenaan, kira-kira 200 keluarga di Kampung Sungai Gelugor menerima bantuan barangan keperluan harian.

Yang turut hadir ialah Ketua Wanita UMNO Bahagian Bukit Gelugor, Senator Norliza Abdul Rahim dan Penasihat Undang-Undang MCA bahagian sama, Teh Beng-Yeam.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130409/px_37/BN-kongsi-kemakmuran-rakyat

